

57. Jadual 4 menunjukkan belanjawan peribadi En Navaz bagi tempoh sebulan.

Butiran	RM
Gaji	5 000
Cukai Pendapatan	110
Sewa rumah	800
KWSP	11%
zakat	120
Insurans	150

Jadual 4

Berapakah jumlah potongan wajib beliau?

- A RM 380
B RM 660
C RM 780
D RM 930
58. Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan dan potongan wajib Encik Hamid bagi tempoh sebulan .

Butiran	RM
Zakat	200
KWSP	360
Dividen	520
Derma	120
Cukai pendapatan	170

Berapakah jumlah potongan wajib bagi Encik Hamid?

- A RM 730
B RM 850
C RM 1250
D RM 1370
59. Antara berikut yang manakah akan meningkatkan perbelanjaan penggunaan.
- I Kerajaan membeku kenaikan gaji kakitangan kerajaan
II Kadar cukai pendapatan perseorangan akan bertambah
III Pasar raya menjalankan promosi besar-besaran di gudangnya
IV Golongan berpendapatan rendah menerima bantuan daripada kerajaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

60. Apakah langkah yang wajar dalam penyediaan belanjawan peribadi?

- I Mencatat semua perbelanjaan
 - II Mengenalpasti punca pendapatan
 - III Menyusun perbelanjaan mengikut kehendak
 - IV Imbangkan agar perbelanjaan melebihi pendapatan boleh guna
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

61. Antara berikut yang manakah kombinasi yang betul?

	Jenis pelaburan	Tahap risiko	Tahap pulangan	Tahap kecairan
A	Sekuriti Kerajaan	Rendah	Rendah	Sederhana
B	Saham Syarikat	Tinggi	Tinggi	Tinggi
C	Unit Amanah	Rendah	Rendah	Tinggi
D	Hartanah	Rendah	Tinggi	Tinggi

62. Antara berikut, yang manakah betul berkaitan kelebihan kaedah pembayaran secara kredit?

- I Pengguna dapat menikmati harga barang lebih murah
 - II Perlu berdisiplin semasa hendak membeli
 - III Meningkatkan taraf hidup pengguna
 - IV Meringankan beban kewangan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

63. Maklumat berikut berkaitan dengan upah wang dan harga tiga barang di pasaran.

Upah Wang (RM)	Harga Barang P (RM)	Harga Barang Q (RM)	Harga Barang R (RM)
2 000	8.00	10.00	12.00

Apakah yang akan terjadi jika harga purata barang berubah kepada RM15.00?


- A Kuasa beli menurun
- B Pendapatan berkurang
- C Upah benar meningkat
- D Taraf hidup bertambah

64. Maklumat berikut berkaitan dengan langkah penyediaan belanjawan peribadi.

Langkah 1 - Menjumlahkan pendapatan boleh guna
Langkah 2 - X
Langkah 3 - Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
Langkah 4 - Mengimbangkan pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan

Apakah X?

- A Mengira jumlah potongan wajib
B Mengira jumlah tabungan yang ada
C Mencatat semua perbelanjaan yang hendak dilakukan
D Menyusun semua potongan wajib mengikut keutamaan
65. Antara berikut, yang manakah kesan caruman KWSP kepada individu?
- I Jaminan kewangan pada masa depan
II Mengurangkan pendapatan semasa
III Dapat bonus keuntungan
IV Kuasa beli meningkat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
66. Rajah berikut berkaitan dengan penggunaan pendapatan individu.



Pernyataan yang manakah betul tentang X ?

- A Menerima hasil sewa rumah
B Menjelaskan pinjaman PTPTN
C Membayar cukai pendapatan individu
D Menambahkan wang di Lembaga Tabung Haji(LTH)
67. Penyediaan belanjawan peribadi menyebabkan isi rumah dapat
- A menyimpan wang
B mendahulukan kehendak
C melakukan pinjaman bank
D mencapai kepuasan maksimum

68. Cik Aman menerima gaji bulanan sebanyak RM5 000. Sekiranya kerajaan menaikkan kadar caruman KWSP pekerja daripada 11% kepada 12%, keadaan yang manakah akan berlaku?

	Potongan wajib	Pendapatan boleh guna	Gaji bulanan
A	Meningkat	Menurun	Tetap
B	Tetap	Menurun	Meningkat
C	Menurun	Meningkat	Tetap
D	Tetap	Meningkat	Menurun

69. Maklumat berikut adalah mengenai Encik Jaki.

Pendapatan tahunan Encik Jaki ialah RM65 000. Daripada jumlah ini, sebanyak RM6 480 dicarumkan dalam KWSP, RM650 potongan cukai pendapatan dan RM700 untuk bayaran zakat.

Berapakah perbelanjaan penggunaan Encik Jaki jika tabungan adalah RM10 000?

- A RM47 170
 B RM47 870
 C RM57 870
 D RM57 170
70. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan ciri barang keperluan?
- I Tidak dipengaruhi oleh saiz pendapatan
 II Mempunyai pilihan barang yang pelbagai jenis
 III Dimiliki untuk mengamalkan gaya hidup masa kini
 IV Wujud campur tangan kerajaan dalam penentuan harga barang
- A I dan II
 B II dan III
 C III dan IV
 D I dan IV
71. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan belanjawan peribadi?
- I Mengelakkan inflasi
 II Meningkatkan pendapatan
 III Membolehkan individu membeli barang mewah
 IV Membolehkan individu mendahulukan perbelanjaan yang penting
- A I dan II
 B II dan III
 C III dan IV
 D I dan IV